

**Najib Lawat Lebu Ampang Sempena Sambutan Deepavali Pada 22 Okt
Bernama
26 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan melakukan lawatan ke Lebu Ampang dan kawasan sekitarnya di sini pada 22 Okt sempena sambutan Deepavali, menurut Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk M.Saravanan.

Beliau berkata lawatan lebih sejam Perdana Menteri yang dijadual bermula pukul pada pukul 4 petang, akan mendapat sambutan daripada lebih 10,000 penduduk di sekitar bandar raya ini.

Lawatan Najib ke kawasan yang menjadi tumpuan masyarakat India akan turut memberi kesempatan kepada para peniaga dan masyarakat di kawasan itu untuk beramah mesra dengan Perdana Menteri.

"Perdana Menteri juga akan mengambil kesempatan untuk makan muruku dan pelbagai lagi juadah tradisional masyarakat India semasa lawatan itu," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Saravanan berkata lawatan Najib ke Lebu Ampang bakal memberi kenangan manis kepada Perdana Menteri kerana beliau pernah melalui kawasan Lebu Ampang untuk ke sekolahnya di Sekolah Kebangsaan St John 1, yang tidak jauh dari situ.

Selain Brickfields yang terkenal sebagai "Little India", Lebu Ampang juga merupakan sebuah kawasan perniagaan yang majoriti peniagaanya adalah masyarakat India negara ini.

Beliau juga menasihatkan orang ramai supaya menggunakan pengangkutan awam ke Lebu Ampang bagi mengelak kesesakan lalu lintas di kawasan sekitar.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615818>